

Kuasai ilmu setiap bidang

Oleh HELMI MOHD. FOAD
dan NORLIZA ABDUL RAHMAN

PUTRAJAYA 20 Jan. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu mahasiswa di negara ini berusaha membentuk diri mereka menjadi modal insan yang benar-benar menguasai ilmu pengetahuan dalam setiap bidang.

Perdana Menteri berkata, usaha itu perlu bagi memastikan mereka mampu menjadi generasi penerus kepada perjuangan memperkasakan bangsa dan negara bagi mencapai tahap kemajuan yang lebih tinggi.

Sehubungan itu, beliau menegaskan, mahasiswa tidak mempunyai pilihan selain meningkatkan kualiti serta nilai tambah dalam diri mereka supaya tidak mudah tersingkir daripada arus persaingan semasa.

"Dalam ekonomi yang berasaskan ilmu pengetahuan, bagaimana kita hendak menghadapinya dan kalau kita tidak kuat dalam ilmu apa yang kita boleh buat.

"(Saya) takut jika kita kurang yakin kerana kurang ilmu, globalisasi melanggar dunia juga... kita tidak boleh lari daripada persaingan," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap merasmikan pelancaran program Gear U! Warna-Warna Malaysiaku - Suatu Lambang Perpaduan 2008 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini hari ini.

Program tersebut adalah anjuran bersama Yayasan Budi Penyayang dan Kementerian Pengajian Tinggi.

Lebih 4,000 mahasiswa dan mahasiswi dari universiti awam dan swasta termasuk politeknik dan kolej komuniti dari seluruh negara menghadiri majlis tersebut.

Perdana Menteri berkata, meskipun kerajaan menyedari tentang perlunya pembangunan ekonomi, sains dan teknologi serta sosial, pembangunan modal insan tetap menjadi keutamaan yang paling penting.

"Semua pembangunan itu tidak dapat dicapai jika kita ku-



ABDULLAH Ahmad Badawi, menyampaikan hadiah kepada Khadijah Zahari sambil diperhatikan Mustapa Mohamed, Nori Abdullah dan Leela Mohd. Ali di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, Putrajaya, semalam.

rang modal insan.

"Rakyat negara ini tidak boleh menjadi bangsa yang mengharap kekuatan orang lain dan tidak boleh sentiasa bergantung kepada tenaga pakar yang dipinjamkan," katanya.

Tambah Abdullah, mahasiswa juga perlu sentiasa ingat bahawa Malaysia menjadi negara demokratik dengan kewujudan institusi demokrasi yang berasaskan kepada perkongsian antara kaum dan agama.

Beliau menjelaskan, sudah sampai masa negara tidak boleh dibangunkan dengan kekuatan satu bangsa tetapi ia disumbangkan oleh semua rakyat tanpa me-

ngira kaum.

Jelasnya, meskipun dalam tempoh 50 tahun negara merdeka terdapat beberapa masalah tetapi ia dapat diatasi apabila rakyat mengamalkan semangat muafakat dan saling menghormati.

Rahsia

"Kerajaan demokratik yang melambangkan wakil-wakil semua kaum sebenarnya rahsia kemajuan negara selama ini. Saya percaya kepada pendekatan ini kerana ia adalah paling wajar untuk diamalkan.

"Perpaduan bukan slogan atau

cerita-cerita tetapi kita pastikan ia jadi amalan setiap hari," kata beliau.

Sementara itu, slogan "Run-tuhkan tembok perkauman, bina saliran perkongsian dan muafakat, barulah layak kita katakan, kita Anak Malaysia," telah memberi tuah kepada pelajar jurusan perakaunan, Universiti Malaya (UM), Khadijah Zahari, 21, apabila diumumkan sebagai pemenang pertandingan mencipta slogan Program Gear U! 2007.

Beliau menerima sebuah kereta Naza Sutera daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada majlis yang sama.

Pemenang kedua juga dimenangi pelajar jurusan perakaunan dari universiti yang sama, Mohd. Azali Abdan, 21, manakala tempat ketiga dimenangi pelajar jurusan fizik pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Mohamad Zulhilmi Monel, 20.

Masing-masing membawa pulang motosikal berkuasa tinggi dan berkuasa rendah sumbangan Kumpulan Naza.

Hadir sama Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed, Ketua Eksekutif Yayasan Budi Penyayang, Datuk Leela Mohd. Ali dan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Khalid Mohd.